



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 22 DISEMBER 2021**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	MAFI KOMITED MODENKAN PERTANIAN PINTAR, SARAWAK VOICE -ONLINE MAFI PERKUKUHKAN SEKURITI MAKANAN NEGARA, HARAKAH DAILY -ONLINE GESA KERAJAAN BANTU 10,000 PESAWAH, NEWS, SELANGOR KINI -23 USAHAWAN UDANG KARA TERJEJAS AKIBAT BANJIR DI HULU LANGAT, BH -ONLINE LOBSTER ENTREPRENEUR SUFFER LOSSES DUE TO FLOODS IN HULU LANGAT, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15.	SABAH MULLS AMNESTY FOR FISHING VESSEL LICENSEES, NEWS IN BRIEF, NST -13 PROGRAM PENGAMPUNAN TANGANI ISU LESEN NELAYAN, LOKAL, HM -22 PPMSB LEBAR SAYAP JUAL TELUR PUYUH, BISNES SINAR, SH -30 LULUH JANTUNG 10,000 IKAN MATI, LOKAL, HM -12 LADANG AGROPELANCONGAN MUSNAH AKIBAT BANJIR, DALAM NEGERI, UM -29 BERHENTI KERJA TANAM CENDAWAN, NEGARA, KOSMO -18 JUAL MURAH 2,000 IKAN TALAPIA, PATIN, NEGARA, KOSMO -16 KEBUN BANDAR BOLEH RINGAN BEBAN KELUARGA 840, FORUM, UM -19 PKPS PERUNTUK RM3,000 SEHARI SEDIA MAKANAN PANAS UNTUK MANGSA BANJIR, NEGERI SELANGOR, SH -23 TEKNOLOGI MODEN TINGKAT KECEKAPAN PERTANIAN, K2, KOSMO -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/12/2021	SARAWAK VOICE	ONLINE	

MAFI komited modenkan pertanian pintar



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa komited dalam memodenkan pertanian khususnya bagi pertanian pintar yang telah dikenal pasti dapat menjana semula pertumbuhan ekonomi negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, , dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) adalah inisiatif pemodenan yang melibatkan pengusaha dan petani di luar bandar selaku kumpulan sasaran

disebabkan kawasan-kawasan pertanian berskala besar kebanyakannya terletak di kawasan luar bandar.

Katanya, antara usaha MAFI untuk menggalakkan peralihan ke pertanian moden adalah dengan inisiatif penaiktarafan kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang merupakan kawasan penanaman dan pengeluaran tanaman makanan secara kekal yang terletak di seluruh Malaysia, terutamanya di kawasan luar bandar.

“Sehubungan itu, bagi menggalakkan penggunaan teknologi moden, Jabatan Pertanian telah diluluskan peruntukan sebanyak RM232 juta di bawah RMK ke-12 yang melibatkan tujuh projek bagi menaiktaraf kepada sistem pengairan pintar menggunakan Internet of Things (IoT), perolehan jentera, mesin dan aplikasi pertanian pintar.

“Penaiktarafan ini akan membantu pengusaha TKPM yang terdiri daripada golongan petani beralih kepada pertanian pintar,” katanya semasa menjawab soalan lisan Ahli Parlimen Betong, Datuk Robert Lawson Chuat di Dewan Rakyat pada Isnin.

Manakala bagi mengulas perkara berkaitan perancangan untuk menyediakan pusat pengumpulan, pemprosesan dan pembungkusan hasil pertanian secara moden di Sarawak, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee memaklumkan perancangan untuk menyediakan pusat pengumpulan, pemprosesan dan pembungkusan hasil pertanian moden di Sarawak, Pusat Operasi Samarahan di bawah FAMA telah dinaiktaraf dan sedang dalam proses mendapatkan persijilan Good Manufacturing Practice (GMP) dan pusat ini mempunyai fasiliti untuk mengumpul hasil pertanian sebanyak 20 tan metrik pada satu-satu masa.

Dalam pada itu ujanya, kerajaan Sarawak juga mempunyai perancangan untuk menubuhkan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan hasil pertanian.

“Kerajaan Sarawak juga mempunyai perancangan untuk menubuhkan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan hasil pertanian secara moden di Limbang, Lawas, Layar, Lundu, Lachau, Sebangon, Kapit, Long Lama dan juga di kawasan-kawasan lain yang strategik dan berpotensi di seluruh Sarawak.

“Kerajaan Sarawak juga merancang untuk membangunkan Agro Food Terminal di Semenggok, Kuching, Bebuling, Spaoh dan Sg. Baji, Sarikei,”ujarnya.

Tambah beliau lagi, operasi Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan dan Agro Food Terminal ini akan dijalankan oleh agensi pelaksana kerajaan negeri seperti Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak dan juga syarikat-syarikat swasta yang mempunyai pasaran domestik dan pasaran eksport.

“Inisiatif ini membolehkan para petani di luar bandar untuk menjual hasil pertanian seperti buah-buahan dan sayur-sayuran secara terus kepada pusat tersebut dan mendapatkan harga pasaran yang lebih baik bagi meningkatkan pendapatan serta mengelakkan lambakan hasil pertanian,” tambah beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/12/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

MAFI perkukuhkan sekuriti makanan negara



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berusaha memperkukuh sekuriti makanan negara supaya lebih berdaya tahan dan mampan dengan membangunkan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025.

Timbalan Menterinya, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata pelan tindakan itu menggariskan strategi untuk merencanakan pengeluaran makanan secara domestik, selain mengurangkan kebergantungan negara terhadap import makanan.

Katanya, antaranya strategi berkenaan ialah memperluaskan adaptasi teknologi dalam sistem makanan sebagai langkah pragmatik untuk meningkatkan produktiviti sistem ini yang berteraskan skala ekonomikal dan pertanian mampan.

“Tumpuan juga untuk memperkasa penyelidikan dan pembangunan berteraskan sekuriti makanan bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan dan input pertanian seperti makanan ternakan, baka dan benih berkualiti secara domestik.

“MAFI juga memperkasa ketersediaan data sekuriti makanan bagi mengenal pasti dan memantau tahap sekuriti makanan penduduk Malaysia berdasarkan lokaliti,” katanya menjawab soalan lisan Senator Dr Ahmad Azam Hamzah di Dewan Negara, hari ini.

Dr Nik Muhammad Zawawi berkata, strategi juga dibuat untuk menterjemah aspirasi ‘Sekuriti Makanan Sebagai Tanggungjawab Bersama’ dengan memfokuskan usaha untuk memperluas kolaborasi strategik berteraskan sekuriti makanan antara kementerian, kerajaan negeri dan sektor swasta.

Katanya, strategi juga memperkukuh tadbir urus merentas jabatan dan agensi untuk merapatkan jurang dalam sistem makanan bagi meningkatkan kecekapan pemantauan sekuriti makanan negara.

Sementara itu, katanya menerusi platform Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC), beberapa langkah strategik telah dikenal pasti untuk meningkatkan produktiviti sektor agromakanan.

Menurutnya, antara langkah strategik itu ialah pelaksanaan Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) yang menyasarkan peningkatan purata hasil per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik.

“Langkah strategik juga meliputi pembangunan dan pemerksaan platform pemasaran produk agromakanan secara e-dagang serta pembangunan makanan ternakan alternatif dan pembangunan industri benih tempatan bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada import input pertanian.

“Begitu juga dengan pemberian insentif kepada pengeluaran makanan yang selamat dan sihat bagi meningkatkan ketersediaan makanan berkhasiat dengan harga berpatutan di pasaran,” katanya.
– **HARAKHDAILY 21/12/21**

Headline	Gesa kerajaan bantu 10,000 pesawah		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	22 Dec 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	23	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	180 cm ²
Journalist	MUSTAKIM RAMLI	AdValue	RM 1,772
Frequency	Weekly	PR Value	RM 5,317



Gesa kerajaan bantu 10,000 pesawah

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan diminta memberi bantuan khas kepada 10,000 pesawah di Selangor yang terjejas hasil tuaian kerana menggunakan benih padi dibekalkan kerajaan.

Wakil rakyat Sekinchan Ng Suee Lim berkata kira-kira 10,000 pesawah yang terjejas itu merangkumi kawasannya, Permatang dan Sabak.

"Hasil tuaian yang diperoleh pesawah merosot teruk sehingga ke lima tan berbanding sebelum ini hanya lapan hingga 10 tan.

"Selain faktor cuaca dan amalan penanaman yang tidak komprehensif, punca utama adalah benih padi yang dibekalkan Kementerian dan Mardi kurang berkualiti seperti MR307, 303, 297 dan CL2," katanya pada 2 Disember.

Katanya, potongan beras basah yang dikenakan sehingga lebih 20 peratus juga membebankan dan menjejaskan

pendapatan di mana petani mengalami kerugian sekitar RM5,000.

"Memandangkan hasil tuaian merosot kerana benih padi kurang berkualiti, saya minta agar menteri pertimbang bantuan khas sekali bayar RM2,000 disalurkan kepada petani untuk meringankan beban," katanya.

Suee Lim yang juga Speaker Dewan Negeri Selangor juga menyatakan beliau menghantar surat kepada Menteri Pertanian dan Industri Makanan pada 29 November lalu berkaitan masalah itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/12/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Usahawan udang kara terjejas akibat banjir di Hulu Langat



KUALA LUMPUR: Lebih 2,000 udang kara matang yang siap untuk dipasarkan bernilai puluhan ribu ringgit antara yang musnah dalam kejadian banjir besar di Hulu Langat, Sabtu lalu.

Projek Hub Pengumpulan dan Tumpuan Ternakan Udang Kara (Hub Petukar) yang diusahakan bekas penjawat awam, Suhaidy Shuib, 36, di belakang rumahnya di Dusun Tua, Hulu Langat itu gagal diselamatkan apabila air naik terlalu pantas hingga menenggelamkan 80 tangki yang mengandungi udang itu.

Dalam kejadian jam 9 malam itu, air mula memasuki rumah sedalam paras paha dan terus meningkat hingga ke tingkat rumah pada awal pagi keesokannya.

"Dalam jam 10 malam, alat pengesan yang dipasang pada tangki memberi amaran kenaikan air dan pam oksigen sedia ada yang menggunakan elektrik terpadam, sebelum ia bertukar kepada pam yang menggunakan bateri.

"Namun pada jam 11 malam apabila talian internet turut terputus, alat pengesan juga tidak berfungsi lagi dan tenggelam," katanya kepada BERNAMA ketika ditemui di rumahnya, hari ini.

Selain udang kara, turut musnah adalah barangan elektronik yang digunakan untuk projek udang kara, barangan pejabat serta gerai makan yang dibina di kawasan rumahnya.

Kerugian dianggarkan RM60,000.

Suhaidi yang sudah berumah tangga dan tinggal bersama keluarganya mengusahakan ternakan udang kara secara serius sejak enam tahun lalu selepas membuat keputusan meninggalkan kerjaya sebagai penjawat awam.

Beliau yang juga penerima geran agropreneur muda daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mendapat bantuan RM30,000 ketika memulakan projek itu, selain turut menerima bantuan Jabatan Perikanan dan Lembaga Pertubuhan Peladang sebanyak RM100,000 dan mula membangunkan Hub Pengumpulan dan Tumpuan Ternakan Udang Kara (Hub Petukar) pada 2019.

"Keuntungan yang diperolehi untuk setahun kira-kira RM800,000. Jadi sekarang adalah waktu paling sukar, saya anggap ini adalah ujian Allah dan saya yakin akan dapat membina semula operasi seperti sedia kala," katanya.

Sementara itu, MAFI melalui MAFI Prihatin turun memberikan sumbangan kepada ahli-ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Hulu Langat yang terjejas dalam bencana itu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee turut meninjau keadaan ahli PPK yang terjejas bagi merangka bantuan yang sesuai untuk diberikan.— BERNAMA

Lobster entrepreneur suffers losses due to floods in Hulu Langat



KUALA LUMPUR, Dec 21 -- Over two thousand lobsters worth tens of thousands of ringgit were destroyed in the massive floods in Hulu Langat on Saturday.

The Lobster Collection and Concentration Hub project (Petukar hub) run by former civil servant, Suhaidy Shuib, 36, behind his house in Dusun Tua, Hulu Langat, could not be salvaged when the water rose too fast, drowning 80 tanks filled with the crustaceans.

He said water began to surge into the house and was up to the thighs at about 9 pm.

"At 10 pm, a detector installed on the tank (underground sump tank) warned of a rise in the water-level and the existing oxygen pump that uses electricity was turned off, and switched to a pump that uses batteries.

"However, at 11 pm, when the internet line was also cut off, the detector also stopped working and sank," he told Bernama when met at his house today.

Apart from the lobsters, electronic items used for the lobster project, office supplies and food stalls at the premises were also destroyed, with the losses estimated to be about RM60,000.

Meanwhile, the Ministry of Agriculture and Food Industries through MAFI Prihatin distributed aid to members of the Hulu Langat Area Farmers' Organisation affected by the disaster.

Its Minister, Datuk Seri Ronald Kiandee also checked on the affected members to ascertain the appropriate assistance to be given.

- BERNAMA

Sabah mulls amnesty for fishing vessel licensees

KOTA KINABALU: Sabah plans to implement an amnesty programme next year to address the state's decades-long problem with fishing vessel licences. Deputy Chief Minister Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan said there were more than 11,000 fishing vessel licences still active in Sabah. "However, many licensees do not adhere to the conditions of their licences. This has been an ongoing problem for more than three decades. However, we will not punish licensees without offering them the opportunity to keep their licences, robbing them of their source of income," he said after attending a briefing held by the Fisheries Department here. Kitingan, who is also state agriculture and fisheries minister, said the amnesty programme would allow offenders to resolve their problems if they wanted to keep their licences.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/12/2021	HARIAN METRO	LOKAL	22

Program pengampunan tangani isu lesen nelayan

Kota Kinabalu: Kerajaan Sabah bakal mengadakan program pengampunan pada tahun hadapan bagi menangani masalah lesen kapal nelayan yang berlanjutan sejak puluhan tahun lalu.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Jeffrey Kitingan berkata, setakat ini terdapat lebih 11,000 lesen kapal nelayan yang masih aktif di negeri berkenaan.

“Walau bagaimanapun, kebanyakan pemegang lesen ini tidak mematuhi syarat lesen sekali gus masalah berterusan sehingga melebihi tiga dekad dan sesuatu

perlu dilakukan.

“Namun, kita tidak akan menghukum pemilik lesen terbabit tanpa menawarkan mereka peluang untuk mereka mengekalkan lesen atau ‘merompak’ sumber pendapatan mereka,” katanya dalam kenyataan, kelmarin.

Jeffrey yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah berkata, berikutan masalah terbabit, pihaknya akan melaksanakan program pengampunan bagi menyelesaikan masalah sekiranya mahu mengekalkan lesen terbabit.



Muhammad menunjukkan telur burung puyuh gergasi di ladang PPMBS Semujuk, Melaka baru-baru ini.

PPMSB lebar sayap jual telur puyuh

JASIN - Pembangunan Pertanian Melaka Sdn Bhd (PPMSB) terus mengorak langkaih memastikan kekal aktif dengan perniagaan apabila berjaya menjual sehingga 20,000 biji telur burung puyuh dalam tempoh tiga bulan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Muhammad Muhaamin Low Abdullah berkata, biarpun penternakan kira-kira 615 ekor burung puyuh termasuk 500 ekor merupakan baka France baru bermula, namun mampu menghasilkan 400 hingga 500 biji sehari, sekali gus mendapat sambutan menerusi jualan secara dalam talian sekitar negeri ini.

Menurutnya, kajian sedang dilakukan bagi meramban bilangan burung puyuh untuk menampung permintaan

memerangsangkan terhadap telur puyuh terutama 'giant egg' yang mana saiz lebih besar dari telur burung puyuh tempatan dan dijual dengan harga 30 sen sebiji.

"Untuk memperbanyakkan hasil dan dapat menampung permintaan itu, kita akan menambah lagi sebanyak 1,000 ekor anak puyuh dalam tempoh terdekat.

"Tempahan bagi telur puyuh memang diperoleh setiap hari dan kita akan membuat penghantaran sekitar Melaka termasuk tempahan restoran dan kedai makan," katanya kepada *Sinar Harian* ketika menunjukkan penternakan burung puyuh di ladang PPMBS di Semujuk baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, penjualan telur itu juga hasil daripada sambutan jualan daging lembu di bawah program #segardariladang yang dilaksanakan bermula awal tahun ini dengan kaedah tempahan secara dalam talian.

Menurutnya, inisiatif jualan terus dari ladang seperti dapat membantu pengguna membeli daging dengan harga berpatutan iaitu RM30 sekilogram dan segala proses dari penyembelihan, melapah daging hingga penghantar rumah ke rumah dilakukan oleh warga kerja PPMBS.

"Biasanya pelanggan akan membuat tempahan bagi menjamin kualiti dan kesegaran daging," ujarnya.

Luluh jantung 10,000 ikan mati

Kuala Krai: Pengusaha ikan sangkar di pinggir Sungai Kelantan rugi hampir RM30,000 selepas 10,000 ikan tilapia, patin dan baung diternak terlepas dan mati akibat banjir sejak lima hari lalu.

Rohaimin Yusoff, 49, berkata, dia memternak pelbagai jenis ikan dalam 35 petak sangkar, namun satu sangkar yang mempunyai 7,000 ikan patin terlepas apabila tali pengikat putus dilanggar balak hanyut dan arus deras, Sabtu lalu.

Katanya, hampir 3,000 ikan tilapia dan baung pula mati kelemasan selepas bercampur air selut banjir.

"Ikan patin yang terlepas berkenaan sudah matang dan sedia untuk dijual kepada peniaga. Saya pula berada di Kuala Lumpur ketika kejadian kerana ada majlis keluarga.

"Bagai nak luluh jantung apabila pekerja memaklumkan sangkar hanyut dan ikan mati.

"Pada Jumaat (lalu) apabila hujan berterusan, semua sangkar ikan sudah diikat pada pokok di tebing, tetapi ia beralih apabila paras sungai makin naik hingga empat meter," katanya di kawasan sangkar ikannya di Kampung Batu Lada, di sini, semalam.



ROHAIMIN menunjukkan ikan keli yang sudah matang dan boleh dijual kepada peniaga kedai makan dan restoran di sekitar Kuala Krai.

Menurutnya dia menternak ikan sangkar sejak awal Januari lalu bagi menambah pendapatan keluarga selepas perniagaan kereta terpakai yang diusahakan terjejas akibat pandemik Covid-19.

Bagaimanapun katanya, dia tetap bersyukur kerana masih ada ikan yang dapat

diselamatkan.

"Kebanyakannya ikan keli yang diletakkan di lebih 10 petak sangkar dan masih berkeadaan baik," katanya yang menjadikan kerugian itu sebagai pengalaman dan pengajaran untuk lebih bersedia menjelang musim tengkujuh.

Ladang agropelancongan musnah akibat banjir

Oleh ZAKKINA WATI AHMAD
TARMIZI
utusannews@mediamulla.com.my

SEREMBAN: Sebuah ladang agropelancongan di Kampung Pantai dekat sini terjejas teruk dalam kejadian banjir besar pada malam 18 Disember lalu.

Penasihat Nabila Agrofarm Resort, Roslina Husin, 55 berka-ta, ketika kejadian, dia tidak be-rada di ladang berkenaan.

"Apabila tiba di ladang ini, saya agak terkejut melihat di luar ladang ini musnah sehingga air sudah naik sampai ke paras dada.

"Pekerja sempat mengalih-kan beberapa ekor haiwan di ladang ini kerana air deras dan naik dengan sangat cepat.

Bagaimanapun, tiga ekor haiwan yang ditempatkan di sini iaitu seekor kambing dan dua ekor anab mati kerana lemas.

"Kafe juga musnah dan kami tidak sempat menyelamatkan tujuh peti ais yang menyimpan aiskrim dan pelbagai makanan lagi," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Nabila Agrofarm Resort, Jalan Pantai, Seremban semalam.

ROSLINA Husin menunjukkan aset agropelancongan yang rosak akibat banjir di Nabila Agrofarm Resort, Jalan Pantai, Seremban, semalam. -UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI



Menurutnya, ladang agropelancongan yang diusahakannya di tanah seluas 23 hektar itu mempunyai sebanyak 23 ekor kuda, 36 ekor kambing, 60 ekor dan lima ekor rusa dan ia terletak sangat hampir dengan Sungai Linggi.

"Buat masa ini, semua pagar di ladang ini telah roboh dan

perlu dibaik pulih terlebih dahulu sebelum dibuka kepada orang awam. Kini, ladang ini sedang dalam fasa pembersihan dan ditutup selama dua minggu," katanya.

Roslina menambah, tiga buah penginapan chalet yang terdapat di ladang yang dibuka sejak 2017 itu turut musnah.

"Tiga buah chalet dan ke-

semua 15 kenderaan lasak jenis ATV juga turut tenggelam dan rosak akibat banjir. Ia juga perlu dibaiki sebelum menerima kedatangan pengunjung ke ladang ini.

"Kafe di ladang ini juga musnah keseluruhannya, kerusi, meja serta perkakas dapur turut dipenuti dan diselaputi lumpur," katanya.

Berhenti kerja tanam cendawan

PONTIAN – Memulakan usaha menanam cendawan tiram klabu secara sambilan pada 2015 sebelum membuat keputusan terlibat secara serius empat tahun kemudian selepas melihat potensi tanaman itu pada masa hadapan.

Sejak itu, Muhamad Saidan Sanib, 36, tidak lagi menoleh ke belakang dan kini mempunyai empat buah bangsal tanaman cendawan dan setiap satunya boleh menempatkan 10,000 hingga 15,000 bongkah dengan tempoh penghasilan antara tiga dan empat bulan sebelum ditukar benih baru.

Menurutnya, keputusan berhenti kerja sebagai Pegawai Pembangunan Sosial di Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) adalah untuk menjaga arwah bapanya, Sanib Rosbadi yang uzur sebelum meninggal dunia pada 2020.

"Projek tanam cendawan ini dimulakan oleh adiknya saya. Dahulu saya buat secara suka-suka untuk mengisi masa lapang sebelum ambil alih dan mengusahakan secara serius," katanya ketika ditemui di Kampung Parit Selangor, di sini baru-baru ini.

Tidak menyesal meninggalkan kerjaya dengan pendapatan lumayan di IRDA, Muhamad Saidan



MUHAMAD SAIDAN menunjukkan cendawan tiram yang diusahakannya di Kampung Parit Selangor, Pontian, Johor.

menyifatkan perusahaannya, Syarikat MSS Pontian mempunyai pelbagai perancangan bukannya setakat membekal cendawan segar sahaja.

"Kami juga menjual bongkah cendawan dan menawarkan kursus dan bimbingan kepada pengusaha baharu," katanya.

Syarikat MSS Pontian turut memberikan peluang pekerjaan kepada lapan berta untuk mem-

buat bongkah dengan pendapatan sebanyak RM30 hingga RM35 sehari.

"Syarikat MSS Pontian turut menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak untuk menjalankan tanaman cendawam antaranya Yayasan Pembangunan Darul Takzim dan Persatuan Sindrom Down Johor dan Persatuan Orang Kelainan Upaya (OKU) Gelang Patah," katanya.



MAT ROPI menunjukkan sebahagian ikan patin yang dijualnya di Kampung Pasir Gajah, Kemaman, semalam.

Tindakan elak kerugian akibat banjir

Jual murah 2,000 ikan tilapia, patin

Oleh **NIK NUR IZZATUL
HAZWANI NIK ADNAN**

KEMAMAN — Sepasang suami isteri yang mengusahakan ternakan ikan air tawar tiada pilihan selain terpaksa menjual kesemua ikan peliharaan mereka bagi mengelak kerugian akibat banjir.

Mat Ropi Mustafa, 52, berkata, dia dan isterinya, Noor Alzam Mohd. Noor, 49, menjual lebih 200 kilogram (kg) ikan tilapia dan patin dengan harga lebih rendah daripada pasaran.

"Kami menjual hampir 2,000 ekor tilapia dan patin yang dipelihara sejak bulan Julai lalu dengan harga RM10 sekilogram berbanding harga pasaran antara RM13 dan RM14 bagi kuantiti sama.

"Biarlah kami rugi kecil berbanding risiko besar kehilangan semua ikan ternakan dihanyut banjir," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di kolam ikannya di Kampung Pasir Gajah di sini semalam.

Mat Ropi berkata, hujan lebat yang berlarutan sejak minggu lalu menyebabkan paras air kolam ternakan ikannya meningkat.

Dia yang menetap di Kampung Mak Chili di sini berkata, mereka bimbang ikan-ikan ternakannya dihanyutkan banjir sekiranya hujan lebat kembali turun dalam masa terdekat.

"Lebih membimbangkan jika kolam ternakan yang kami bina pada bulan Julai lalu pecah aki-

bat banjir.

"Sehubungan itu, saya dan isteri ambil keputusan jual semua ikan yang ada di kolam dengan harga murah," ujarnya.

Dalam pada itu, Mat Ropi berkata, dia tidak menyangka sambutan daripada pelanggan amat memberangsangkan walaupun hanya menghebahkan penjualan ikan itu kepada kawan-kawan terdekat menerusi aplikasi WhatsApp.

Tambahnya, kesemua lebih 200 kg ikan tilapia dan patin ternakannya habis dalam tempoh tidak sampai enam jam.

"Alhamdulillah, lebih kurang kami anggap sebagai sedekah. Semoga ada rezeki kami lain kali," jelasnya.

Kebun bandar boleh ringan beban keluarga B40

SAUDARA PENGARANG,

KEBELAKANGAN ini, negara digemparkan dengan kenaikan sehingga 100 peratus harga makanan terutama sayur disebabkan isu cuaca dan tanah runtuh di Cameron Highlands yang menjejaskan rantaian pengedaran.

Bagaimanapun, jika fenomena kenaikan barangan makanan ini diteliti secara menyeluruh, faktor-faktor di atas merupakan simptom kepada permasalahan yang lebih membusung - betapa negara kita sedang dilanda isu ketakjamanan makanan.

Malaysia di kedudukan ke-39 dalam Indeks Keselamatan Makanan Dunia dan jauh ketinggalan di belakang Singapura di tangga ke-15 setakat 2021.

Dari segi keselamatan makanan, Malaysia berdiriki dalam beberapa komoditi penting seperti daging ayam, telur dan makanan laut.

Kebergantungan kepada import turut menyebabkan negara terdedah kepada krisis makanan dan jumlah import makanan yang tinggi sewaktu krisis, seperti mana pernah dialami sewaktu krisis makanan global pada 2007 dan 2008 serta terbaharu, pandemik Covid-19.

Selain beras, negara masih bergantung kepada import bagi memenuhi keperluan makanan rakyat. Sebagai contoh, pada 2020, Nisbah Ketergantungan Import (IDR) melebihi penanda aras 50 peratus iaitu daging kambing (90.4%), mangga (86.2%), halia (81.5%), daging lembu (78.11%), cili (72.4%), kobis bulat (63.6%), susu segar (53.5%) dan

sotong (52.2%).

Import makanan negara meningkat secara berterusan daripada RM38.86 bilion pada 2013 kepada RM51.46 bilion pada 2019. Kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (CAGR) bagi peningkatan import adalah sebanyak 4.79 peratus.

Lebih membimbangkan ialah ketakjamanan makanan akan berterusan 'menekan' isi rumah B40 disebabkan saiz keluarga besar dan bilangan kanak-kanak bersekolah yang ramai. Bukan itu sahaja, keadaan ini juga bakal memburukkan lagi keadaan ekonomi keluarga yang bergantung harap kepada pencari nafkah tunggal.

Berdasarkan Laporan Kajian Perbelanjaan Isi Rumah 2019 oleh Jabatan Perangkaan, secara purata isi rumah membelanjakan sebanyak RM784.38 sebulan atau 17.3 peratus daripada purata pendapatan isi rumah bulanan untuk makanan.

Di sebalik usaha yang telah dan bakal digemblengkan untuk menjamin keselamatan makanan, kita bakal berdepan pelbagai cabaran seperti perubahan iklim dan degradasi tanah.

Menjelang 2030, penduduk bandar bakal mencecah 80 peratus daripada keseluruhan populasi negara. Bahkan sebagai langkah jangka masa pendek dan sederhana, marilah jadikan kebun bandar sebagai 'barisan hadapan' dalam mendepani isu keselamatan makanan negara.

**DR. MOHD ZAIDI MD. ZABRI &
DR. NUR HASNIDA ABDUL RAHMAN**
Kuala Lumpur



KEBUN bandar boleh diberikan keutamaan dalam mendepani isu keselamatan makanan negara.
- UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

22/12/2021

SINAR
HARIANNEGERI
SELANGOR

23

PKPS peruntuk RM3,000 sehari sedia makanan panas untuk mangsa banjir

SHAH ALAM - Warga Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) berganding bahu menyediakan makanan tengah hari untuk diedarkan kepada penduduk terjejas banjir di sekitar Shah Alam.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr Mohamad Khairil Mohamad

Razi berkata, PKPS memperuntukkan sebanyak RM3,000 sehari bagi menyediakan antara 1,500 hingga 2,000 makanan panas di bawah program Dapur Ehsan.

Menurutnya, inisiatif itu sebagai menyahut seruan kerajaan negeri membantu meringankan beban mangsa banjir.

"Sebagai permulaan makanan

yang siap dimasak ini akan diedarkan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kepada mangsa termasuk di pusat pemindahan sementara (PPS) serta lokasi banjir.

"Kita juga akan berkolaborasi dengan agensi peringkat pusat termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) supaya misi bantuan lebih tersusun selepas

ini," katanya ketika ditemui dalam Program Dapur Ehsan di Kediaman Rasmi Menteri Besar Selangor di Seksyen 7 di sini pada Selasa.

Jelasnya, Dapur Ehsan menerima sumbangan barangan daripada penyewa dan perborong Pasar Borong Selangor.

"Pada masa sama, kita juga mengambil bahan dari ladang

Selangor Fruit Valley di Bestari Jaya yang turut membantu mengurangkan kos pembelian produk termasuk telur, ayam dan daging.

"Program ini akan diteruskan selama mana khidmat ini diperlukan. Kami akan sokong segala inisiatif kerajaan negeri membantu mangsa banjir," katanya.



Mohamad Khairil (kiri) bersama-sama kakitangan PKPS menyiapkan makanan tengah hari untuk dibagikan kepada mangsa banjir di Shah Alam.



Kakitangan PKPS bekerjasama menyiapkan makanan tengah hari untuk mangsa banjir.



Varia

Oleh
DATUK MOHD. AL
KHAFFIZ ZAINAL

BERKALAN komoditi makanan di pasaran terjejas teruk ekoran pandemik Covid-19. Langkah dilakukan kerajaan terutamanya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) dalam mengekang penularan pandemik memburukkan lagi keadaan.

Banyak cabaran dihadapi usahawan pertanian makanan bagi membekalkan produk pertanian semasa krisis ini.

Hasil pertanian dilaporkan terbiar di ladang dan tidak dituai kerana kekurangan tenaga kerja, selain masalah pengangkutan untuk membawa hasil ke pasaran.

Akibatnya, harga hasil pertanian naik.

Sekatan perjalanan dalam negeri dan pusat pemeriksaan terus menimbulkan halangan kepada pengagihan makanan walaupun bekalan mencukupi di kebanyakan negeri.

Malah di tapak berhampiran kemudahan pengeluaran makanan, penghantaran dan pengangkutan buah-buahan segar, sayur-sayuran dan produk haiwan mungkin mengambil masa sehingga beberapa minggu kerana kakitangan dikehendaki mematuhi SOP.

Harga produk pertanian segar dilaporkan tidak stabil terutama komoditi makanan keluaran tempatan kecuali produk kawalan seperti beras, ayam segar dan daging (lembu serta kambing).

Laporan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan pada 2020 menunjukkan harga 32 peratus makanan segar meningkat, manakala sekitar 30 peratus daripadanya menurun.

Naikannya harga pula antara 0.4 dan 113 peratus, manakala penurunan harga pula antara 0.4 dan 20.27 peratus.

Kebergantungan Malaysia kepada produk import dijangka meningkat pada masa hadapan apabila pengeluar tempatan meninggalkan industri.

Selama bertahun-tahun, Malaysia adalah pengimport bersih makanan pertanian dan produk makanan.

Negara mengimport lebih RM51 bilion produk makanan pada 2018.

Bagi segmen pasaran makanan tertentu, negara hampir sepenuhnya bergantung kepada import terutamanya daging, tenusu, makanan laut dan koko.

Malaysia mengimport kira-kira 80 peratus daging lembu dari negara lain, mencapai nilai import RM3.9 bilion.

Bekalan daging lembu melalui pengimportan terutamanya dari India sebanyak 77 peratus, Australia (14 peratus) dan New Zealand (5 peratus).

Ini mencerminkan kegagalan untuk merangsang pertumbuhan yang ketara dalam pengeluaran makanan tempatan.

Kebergantungan tinggi kepada import untuk bekalan makanan iaitu nilai import terbesar mencecah RM8 bilion ialah makanan haiwan dan bijirin.

Selain makanan, Malaysia juga mengimport hampir semua input



UNTUK meningkatkan produktiviti dan pemasaran produk pertanian, teknologi terkini perlu digerakkan secara sistematik dan bersepadu.

Teknologi moden tingkat kecekapan pertanian



MALAYSIA mengimport kira-kira 80 peratus daging lembu dari luar negara bagi memenuhi permintaan di pasaran tempatan. — GAMBAR HIASAN

pertanian seperti benih, baka haiwan, baja, racun perosak, mesin, makanan haiwan serta buruh.

Akibatnya, kos pengeluaran makanan melambung tinggi.

Peningkatan mendadak harga input pertanian kebelakangan ini menjadi isu besar dan berlarutan yang membebankan bukan sahaja petani, tetapi kerajaan untuk mengawalinya.

Malaysia mengalami banyak krisis seperti kemelesetan ekonomi pada 1985, krisis kewangan (1997 hingga 1998) dan krisis kewangan (2007 hingga 2008).

Krisis ini menjejaskan ekonomi negara menyebabkan harga barang naik.

Orang ramai ingin membeli produk lebih murah, akibatnya kerajaan membenarkan banyak produk dari luar negara memasuki pasaran tempatan.

Antara pendekatan perlu diambil untuk mengurangkan pergantungan kepada produk import dengan mewujudkan dasar 'Makanan Didahulukan' kerana Malaysia mempunyai kekayaan sumber asli yang boleh digunakan sebaik mungkin untuk pengeluaran makanan.

Ini termasuk tanah, biodiversiti, cahaya matahari dan infrastruktur.

Penekanan harus diberikan kepada tanaman dan makanan berkhasiat, selamat serta berkualiti untuk rakyat.

Teknologi moden dan mampan seperti pertanian ketepatan serta aplikasi teknologi komunikasi maklumat (ICT) seperti dron, penderia, kecerdasan buatan (AI) dan Internet of Thing (IoT) untuk meningkatkan produktiviti dan pemasaran perlu digerakkan secara

sistematik dan bersepadu.

Galakkan perniagaan baharu atau pemula dalam bidang makanan dan minuman, pengeluaran baja organik tempatan, teknologi pengeluaran hijau dan mampan, mesin kecil untuk perniagaan berskala kecil.

Kerajaan juga dicadang membina kilang pintar untuk petani kecil serta industri kecil dan sederhana.

Bagi memupuk minat belia dalam bidang keusahawanan pertanian, kerajaan menyediakan pelbagai latihan untuk meningkatkan kemahiran mereka.

Dalam pada itu, memperkukuh sistem komunikasi merangkumi penggunaan IoT, meningkatkan kelajuan internet di luar bandar, selain memberi latihan penerapan pertanian pintar kepada semua petani dan usahawan agromakanan juga perlu dipertingkatkan.

Meningkatkan data besar dan menyediakan analisis data penting bagi membantu petani membuat keputusan mengenai pengeluaran serta pemasaran produk pertanian makanan.

Malaysia juga perlu mengubah pasaran borong atau runcit menjadi reka bentuk pasaran bersih, teratur dan moden melalui penyatuan model koperasi pertanian bersepadu termasuk untuk melibatkan diri dalam aktiviti nilai tambah.

Bagi memastikan cadangan di atas berjaya, sokongan daripada institusi serta bantuan fizikal lain diperlukan.

DATUK MOHD AL KHAFFIZ ZAINAL ialah Pengerusi Eksekutif Aras Niaga Makmur Group Berhad yang juga bekas Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Teknikal Malaysia